



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
ENCIK MUHAMAD EFFENDI BIN HAJI MASHUM,  
PENERUSI JKK KAMPUNG KUALA TEPI SUNGAI, KOTA  
KUALA MUDA, KEDAH MENGENAI PENGALAMAN  
BELIAU SEBAGAI MANGSA TSUNAMI**

**NURSYAZWANI BINTI MOHD SHAHIDAN**

**(2015149447)**

**MARSYAWANI BINTI ISHAK**

**(2015115917)**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**

**SEMESTER MAC-JULAI 2017**

---

<b>KANDUNGAN</b>	<b>Muka Surat</b>
ABSTRAK	
PENGHARGAAN	11
SENARAI SINGKATAN	111
BIODATA PENEMUBUAL	1-2
BIODATA TOKOH	3
Pengenalan	4
KAJIAN LITERATUR	5-8
TRANSKRIP TEMUBUAL	9-44
LOG TEMUBUAL	45-47
INDEKS	48-49
RUJUKAN	50
LAMPIRAN	
• BIOGRAFI TOKOH	
• PERJANJIAN	
• SENARAI SOALAN	
• DIARI PENYELIDIKAN	
• GAMBAR	

---

# ABSTRAK

## **ABSTRAK**

*26 Disember 2004 merupakan tarikh yang terjadinya tragedi yang menyayat hati. Mengisahkan tentang pengalaman seorang mangsa tragedi tsunami yang berlaku di Kampung Tepi Sungai, Kota Kuala Muda pada 26 Disember 2004. Satu temuramah telah diadakan bersama mangsa tsunami yang terlibat. Penempatan mangsa tsunami telah diceritakan. Kehilangan sumber pencarian nelayan turut diceritakan dengan lebih lanjut. Galeri tsunami yang menjadi peringatan bagi tragedi tersebut juga diceritakan dengan terperinci.*

*Kata kunci: Tragedi tsunami Kota Kuala Muda, Mangsa tsunami, Pengalaman Mangsa Tsunami, Penempatan mangsa tsunami, Hilang sumber pencarian, Galeri tsunami.*

# PENGHARGAAN

## ***PENGHARGAAN***

Assalamualaikum w.b.t.

Setinggi-tinggi terima kasih diucapkan kepada Dr.Azree bin Ahmad yang merupakan pensyarah subjek Oral Dokumentasi (IMR604) Universiti Teknologi MARA Merbok bagi segala tunjuk ajar dan penjelasan mengenai subjek ini. Beliau telah banyak membantu kami dalam member tunjuk ajar dan menjelaskan dengan lebih teliti mengenai temuramah yang perlu kami jalankan bagi memenuhi sukatan subjek.

Selain itu, ribuan terima kasih diucapkan kepada Encik Muhamad Effendi bin Haji Mashum selaku mangsa tragedi tsunami di Kota Kuala Muda yang telah ditemuramah pada 7 Mei 2017 yang lalu. Berikutan sesi temuramah tersebut, beliau telah memberikan sepenuh komitmen dan maklumat yang padat mengenai kejadian tsunami itu.

Tambahan pula, ucapan ribuan terima kasih juga bagi rakan-rakan seperjuangan serta pihak yang secara tidak langsung turut sama membantu dalam menyelesaikan tugas yang diberikan. Dengan dorongan yang diberikan, kami dapat menyelesaikan tugas ini pada masa yang telah ditetapkan.

# SENARAI SINGKATAN

## *SENARAI SINGKATAN*

IKS	Industri Kecil dan Sederhana
JKK	Jawatankuasa Kemajuan Kampung
JPAM	Jabatan Pertahanan Awam Malaysia
LKIM	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
MPSPk	Majlis Perbandaran Sungai Petani
PC	Personal Computer
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PT3	Penilaian Tingkatan Tiga
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
UPSR	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah
USM	Universiti Sains Malaysia
UTM	Universiti Teknologi Malaysia

# BIODATA PENEMUBUAL

**BIODATA PENEMUBUAL**




Nama: Nursyazwani binti Mohd Shahidan

Alamat:

No. Telefon:

Emel:

Program: Ijazah Pengurusan Perpustakaan (IM244)



Nama: Marsyawani binti Ishak

Alamat:

No. Telefon:

Emel:

Program: Ijazah Pengurusan Perpustakaan (IM244)

# BIODATA TOKOH

**BIODATA TOKOH**



Nama: Muhamad Effendi bin Mashum  
Tarikh Lahir: 3 September 1978  
Tempat lahir: Kg. Tepi Sungai  
Alamat:

No. Telefon:  
Profesion: Guru  
Bidang: Kaunseling

# PENGENALAN

## **PENGENALAN**

Pengkajian ini adalah mengenai tragedi tsunami yang menimpa penduduk di kawasan Kota Kuala Muda pada 26 Disember 2004. Melalui pembacaan kami, gegaran pada mulanya dirasai di Indonesia. Akibat daripada gegaran tersebut, ia juga turut dirasai oleh penduduk kawasan Kota Kuala Muda. Tragedi tsunami itu telah memusnahkan tempat tinggal, pengangkutan malah sumber pendapatan penduduk juga terjejas. Tragedi tersebut merupakan tragedi yang paling buruk pernah dilalui oleh penduduk di kampung tersebut. Bagi penduduk Kota Kuala Muda, tragedi ini telah memusnahkan tempat tinggal mereka. Selain itu, mata pencarian harian mereka turut terjejas akibat kejadian tsunami yang menimpa kawasan tersebut. Melalui pembacaan kami, terdapat juga penduduk yang tekorban akibat tragedi tsunami ini. Ia telah meragut nyawa penduduk yang tinggal berhampiran kawasan laut. Gegaran yang berlaku mengakibatkan kemusnahan hampir seluruh kawasan tersebut. Tragedi ini telah meninggalkan kesan yang mendalam kepada penduduk kawasan Kota Kuala muda. Kesan yang ditinggalkan amatlah tragis dan memberi trauma kepada penduduk tersebut. Oleh itu, memandangkan kejadian ini telah lama berlaku, kami bercadang untuk menjalankan kajian serta mengetahui lebih terperinci mengenai kejadian tersebut. Kami memilih untuk menemuramah seorang daripada mangsa tersebut. Antara objektif kajian yang dilakukan adalah untuk mengetahui mengenai tragedi tsunami yang menimpa Kota Kuala Muda dengan lebih terperinci, untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai mangsa yang mengalami tragedi tsunami dan untuk mengkaji kesan tsunami yang menimpa Kota Kuala Muda.

**KAJIAN  
LITERATUR**

## **KAJIAN LITERATUR**

### **TRAGEDI TSUNAMI KOTA KUALA MUDA**

Tanggal 26 Disember 2004, satu tragedi yang telah melanda beberapa negara yang menyebabkan Kedah adalah salah sebuah negeri yang terkena tempias tragedi tersebut. Tragedi ini telah menimpa penduduk di kawasan Kota Kuala Muda pada 26 Disember 2004. Melalui pembacaan, gegaran pada mulanya berlaku di Indonesia. Akibat daripada gegaran tersebut, ia juga turut dirasai oleh penduduk kawasan Kota Kuala Muda. Ia telah memusnahkan tempat tinggal, pengangkutan malah sumber pendapatan penduduk juga terjejas. Tragedi tersebut merupakan tragedi yang paling buruk pernah dilalui oleh penduduk di kampung tersebut. Bagi penduduk Kota Kuala Muda, tragedi ini telah memusnahkan tempat tinggal mereka. Selain itu, mata pencarian harian mereka turut terjejas akibat kejadian tsunami yang menimpa kawasan tersebut. Terdapat juga penduduk yang tekorban akibat tragedi tsunami ini. Ia telah meragut nyawa penduduk yang tinggal berhampiran kawasan laut. Gegaran yang berlaku mengakibatkan kemusnahan hampir seluruh kawasan tersebut. Tragedi ini meninggalkan kesan yang mendalam kepada penduduk kawasan Kota Kuala muda. Kesan yang ditinggalkan amatlah tragis dan memberi trauma kepada penduduk tersebut. Oleh itu, memandangkan kejadian ini telah lama berlaku, satu temuramah telah diadakan bagi mengetahui lebih terperinci mengenai tragedi tersebut.

### **LATAR BELAKANG**

Bagi mendapatkan cerita sebenar mengenai kejadian tsunami yang berlaku di Kota Kuala Muda, satu temuramah telah diadakan bersama seorang mangsa tsunami tersebut. Hal ini adalah untuk mendapatkan maklumat serta mengetahui sendiri melalui pengalaman beliau pada waktu tersebut. Temuramah tersebut diadakan di kediaman beliau yang terletak di Kampung tepi Sungai, Kota Kuala Muda. Beliau adalah Encik Muhamad Effendi Bin Haji Mashum. Beliau merupakan anak jati Negeri Kedah yang berasal dari Kampung Tepi Sungai, Kota Kuala Muda Kedah. Beliau juga merupakan Pengerusi JKK Kampung Tepi Sungai merangkap Ketua Pemuda Umno bahagian Sungai Petani. Beliau bertugas sebagai seorang guru kaunseling di Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Pasir. Beliau mempunyai seorang

isteri dan dikurniakan tiga orang cahaya mata. Isteri beliau juga merupakan seorang guru sekolah.

## **PENGALAMAN MANGSA TSUNAMI**

Menurut Encik Muhamad Effendi Bin Haji Mashum, beliau menceritakan pengalaman beliau sendiri sewaktu hari tersebut. Menurut beliau, hasil dari pembacaannya, perkataan tsunami ini berasal daripada perkataan Jepun. Beliau sendiri tidak pernah mendengar perkataan tsunami tersebut sebelum terjadinya tragedi ini. Beliau berada di tempat kejadian pada hari tragedi tersebut berlaku. Pada waktu itu, beliau sedang melanjutkan pelajaran di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Oleh kerana cuti semester, beliau mengambil keputusan untuk pulang ke kampung halaman beliau iaitu Kampung Tepi Sungai. Sebagai seorang anak nelayan, beliau menyatakan bahawa kejadian seperti ombak besar di laut adalah satu perkara biasa bagi penduduk tersebut. Namun, pada 26 Disember 2004, tragedi tsunami yang berlaku merupakan kejadian yang luar biasa bagi mereka. Tragedi ini merupakan kejadian yang tidak diduga oleh mereka.

Pada jam 9.00 pagi, terjadinya gegaran yang berlaku di Aceh, namun penduduk Kampung Tepi Sungai, Kota Kuala Muda juga turut merasai gegaran tersebut. Pada waktu tersebut, beliau masih tinggal bersama keluarga beliau. Bapa beliau yang dikenali sebagai Haji Mashum iaitu Ketua Kampung pada waktu tersebut merupakan seorang nelayan. Pada pagi tragedi tersebut berlaku, beliau telah keluar bersama-sama bapa beliau ke laut untuk mencari rezeki. Sekitar jam 1.00 tengahari, beliau pulang bersama bapanya ke rumah. Setibanya dirumah, tiba-tiba kedengaran bunyi tempikan suara penduduk kampung yang menyatakan bahawa air telah naik. Oleh hal yang demikian, beliau terus bergegas keluar untuk melihat apa yang telah berlaku.

Tambahan pula, pada waktu tersebut, itu merupakan ombak pertama yang membadai kawasan tepi laut. Setelah azan Zohor, berlakunya ombak yang kedua. Pada waktu ini, beliau melihat sendiri ketinggian ombak tersebut yang memukul titi serta sampan-sampan nelayan yang diletakkan di tepi laut. Melihat sendiri tragedi tersebut, ini amat mengejutkan beliau serta penduduk Kampung Tepi Sungai Kota Kuala Muda. Bagi masyarakat kampung, tidak pernah terlintas di fikiran mereka bahawa akan terjadinya tragedi tersebut. Pada hari tersebut, terdapat dua buah rumah kenduri yang berlangsung di kampung tersebut, ia merupakan rumah Ahmad Bakar dan Haji Awang Ismail. Walaupun ramai tetamu yang hadir pada waktu

tersebut, namun kejadian ini tidak melibatkan banyak nyawa yang terkorban. Menurut beliau, sekiranya tragedi ini berlaku pada waktu malam, sudah pasti ramai yang terkorban. Namun, tragedi tsunami yang berlaku di Kampung Tepi Sungai, Kota Kuala Muda ini telah meragut 9 nyawa. Mangsa terdiri daripada 2 orang lelaki iaitu Mohd. Nasir bin Ibrahim, 54, Osman bin Salleh, 40, dan 7 orang perempuan iaitu, Ropizah binti Abdul Rashid, 69, Tempawan binti Khamis, 74, Norhafizatul Fatimah binti Mat Hafizi, 11 bulan, Saayah binti Hitam, 70, Nursuzana binti Saidin, 15, Munah binti Awang, 81, dan Normah binti Ahmad, 60. Semua mangsa tersebut merupakan penduduk Kampung Tepi Sungai.

Tragedi yang mengejutkan penduduk kampung ini menjadikan kawasan rumah yang menghadap laut diibaratkan seperti padang jarak padang terkukur. Hal ini disebabkan oleh pukulan ombak yang menghempap rumah-rumah penduduk kampung yang berhampiran dengan kawasan laut. Walaupun terdapat tembok yang memisahkan kawasan laut dengan kawasan kediaman penduduk kampung, hal ini tidak menghalang pukulan ombak besar yang diibaratkan setinggi tiang elektrik.

## **PENEMPATAN MANGSA TSUNAMI**

Bagi penduduk yang terlibat dalam tragedi tersebut, mereka ditempatkan di satu kawasan yang dikenali sebagai Permatang Katung. Anggaran rumah penduduk kampung musnah akibat tragedi tersebut adalah sebanyak 50 buah rumah. Semua penduduk yang terlibat dalam tragedi tersebut ditempatkan di penempatan sementara yang terletak di Permatang Katung. Sementara mendapatkan bantuan rumah, pihak sukarelawan telah membina “rumah panjang” untuk memuatkan mangsa yang terlibat. Setiap keluarga tinggal di dalam rumah panjang tersebut sementara mendapat bantuan rumah yang lebih selesa. Setelah keadaan semakin reda, mangsa-mangsa yang kehilangan tempat tinggal mendapat bantuan rumah. Setiap keluarga mendapat rumah yang lebih selesa serta kemudahan air dan elektrik juga disediakan.

## **HILANG SUMBER PENCARIAN**

Menurut Encik Muhamad Effendi, hampir 99 peratus penduduk Kampung Tepi Sungai bekerja sebagai nelayan. Oleh itu, sumber pendapatan mereka datang daripada hasil tangkapan di laut. Dengan terjadinya tragedi tsunami yang memusnahkan bot-bot serta sampan-sampan yang digunakan oleh mereka ke laut, mereka kehilangan sumber pendapatan

setelah terjadinya tragedi tersebut. Pangkalan yang merupakan tempat nelayan-nelayan berkumpul telah musnah dipukul ombak tsunami. Hal ini menyebabkan nelayan-nelayan tidak dapat turun ke laut untuk mencari rezeki. Dalam tempoh masa tersebut, mereka kehilangan sumber pencarian. Oleh itu, pihak kerajaan telah memberi sumbangan dan dana sebagai pinjaman untuk memulakan semula kegiatan sebagai nelayan.

## **GALERI TSUNAMI**

Bagi penduduk yang menjadi mangsa ombak tsunami 26 Disember 2004, terutamanya yang kehilangan insan tersayang dan harta benda, detik memilukan itu tidak mungkin dapat dilupakan sampai bila-bila, namun bagi mereka yang hanya 'merasa tempiasnya', tsunami sekadar kisah yang semakin dilupakan. Apatah lagi kebanyakan generasi tua yang mengalami tragedi itu sudah uzur dan ada yang sudah meninggal dunia, yang tinggal hanya generasi muda yang kini memasuki usia pertengahan atau meningkat remaja, untuk mewariskan kisah bencana itu kepada generasi seterusnya. Satu Tugu Memorial Tsunami menggunakan 26 buah bot dan Galeri Tsunami diwujudkan untuk mengabadikan sejarah itu, ia seakan tidak membawa banyak perubahan kepada kawasan terbabit. Rumah yang musnah yang terletak bertentangan laut dipagarkan dalam satu kawasan. Kawasan tersebut dijadikan Galeri Tsunami. Galeri ini merupakan rumah Haji Awang Ismail yang merupakan mangsa tsunami tersebut. Kini, Galeri Tsunami tersebut menjadi tempat tumpuan pelancong serta pelajar-pelajar sekolah yang menjalankan kajian bagi memenuhi sukatan pelajaran mereka. Hampir setiap hujung minggu Galeri Tsunami tersebut dipenuhi dengan ramai pelawat.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, tragedi tsunami di Kota Kuala Muda, Kedah merupakan tragedi yang amat menyayat hati. Tragedi yang tidak disangka ini telah meragut nyawa penduduk-penduduk Kampung Tepi Sungai, Kota Kuala Muda tersebut. Bagi penduduk di kampung tersebut, mereka masih lagi trauma dengan kejadian yang berlaku hampir 13 tahun yang lalu. Namun begitu, penduduk di kampung tersebut masih perlu terus bekerja sebagai nelayan. Mereka juga masih berwaspada sekiranya ombak besar melanda dan turut mengambil langkah berjaga-jaga sekiranya ombak tersebut membadaai pantai mereka sekali lagi.

**TRANSKRIP  
TEMUBUAL**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
ENCIK MUHAMAD EFFENDI BIN MASHUM,  
JKKK KAMPUNG TEPI SUNGAI, KOTA KUALA MUDA  
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU DALAM TRAGEDI TSUNAMI**

<p><b>ENCIK MUHAMAD EFFENDI :</b></p>	<p>Bismillahirrohmanirrahim.</p> <p>Assalamualaikumwarahmatullahiwabarakatuh. Saya terlebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih kepada adik-adik daripada UiTM Kedah iaitu cawangan daripada Merbok kerana sudi hadir ke rumah saya, untuk orang kata nak temu ramah lah tentang kejadian Tsunami iaitu pada 26 Disember 2004. Terlebih dahulu saya memperkenalkan nama saya lah, saya Muhamad Effendi Bin Haji Mashum, orang kata lahir di sini, anak sini lah, anak jati di sini, dan umur sekarang pon dah dekat 40 tahun dah. Okey [baiklah], lepas tu saya juga merupakan Pengerusi JKK Kampung Tepi Sungai, orang kata ketua kampung di sini, dan merangkap Ketua Pemuda UMNO bahagian Sungai Petani. Orang kata mengenai tentang Tsunami ni, kejadian dia [Tsunami] iaitu kejadian yang berlaku pada 2004 iaitu 26 Disember 2004 iaitu kejadian yang kita tak [tidak] duga, kita taktau [tidak tahu] istilah Tsunami , sebelum tu [itu] pon Tsunami orang kata Tsunami kita pon taktau [tidak tahu] apa Tsunami tu [itu], yang saya faham daripada pembacaan saya Tsunami ni [ini] perkataan daripada bahasa Jepun, lepas tu [itu] orang kata kejadian yang berlaku pada tahun 2004 iaitu 26 Disember 2004 itu pengalaman bagi kami lah terutamanya orang Kampung Kuala Tepi Sungai ni</p>
---	--

[ini], orang kata yang telah berlaku dengan tanpa diduga dan satu lagi kita pegang lah janji Allah dan setiap perkara yang berlaku adalah kejadian ni [ini] semua kehendak Allah. Allah menduga kita ni terutamanya di Kedah dan di Malaysia yang dahulunya tak [tidak] pernah-pernah terjadi Tsunami ni, kami dok [selalu] biasa sebagai anak kampung sini dan biasa ikut ayah saya, arwah orang tua saya, pi [pergi] ke laut, yang dok [selalu] jumpa ombak besar lah selalu kan, ombak besar ni [ini] ombak yang orang kata Tsunami ni [ini] terjadi dengan orang kata yang pertama sekali pada pukul kalau tak [tidak] salah saya kejadian dia pukul dalam pukul sembilan [9] pagi, jadi gegaran orang kata gegaran di Aceh yang mengatakan di Aceh tu [itu], tetapi gegaran tu [itu] sampai di sini, masa tu [itu] rumah saya bukan rumah sini, rumah saya dalam lagi, rumah arwah orang tua saya, masa tu orang kata gegaran tu [itu] waktu tu [itu] di rumah ketika itu gegar lah, saya dok tengok TV [televisyen] pagi tu [itu], rumah orang tua saya ni [ini] dua lapis [tingkat], orang Kedah ni, atas kayu bawah batu bata, jadi gegaran tu [itu] orang kata apa, adik saya yang bongsu dok tengah tidur lagi, dia bangun dia habaq [beritahu] "Abang, gegar ni". Saya pon ha[ya], saya kata gempa lah, ingat tak [tiada] apa lah, sebelum-sebelum tu [itu] biasa lah juga, tapi kita tak [tidak] terfikir nak jadi sampai orang kata mai [datang] ombak Tsunami ni [ini]. Lepas tu [itu] tak [tidak] apa lah, habis-habis tu semua orang kata dalam, habis gegaran tu [itu] ingat tak [tidak] ada apa lah. Kehidupan kita ni sebagai anak nelayan, orang kata saya ni [ini] orang kata masa tu baru habis, saya baru

<p><b>PELAJAR:</b></p>	<p>semester di UPSI (Universiti Pendidikan Sultan Idris) masa tu [itu], saya dok ada orang kata apa tengah belajar lagi di semester last [akhir] di UPSI (Universiti Pendidikan Sultan Idris), saya balik cuti pada masa tu dan orang kata pada masa tu saya balik daripada universiti, orang kata dok pi [pergi] tengok orang tua saya lah kan, beli ikan apa semua, tolong dia apa tu [itu], lepas tu [itu] dalam pukul 12 lebih, pukul 12.45 dekat-dekat pukul satu tengahari saya balik ke rumah, apabila balik di rumah saya sampai di rumah, dalam lingkungan 10 minit, ayah saya pon sampai, dia [ayah] pon dok tengah buang sisik, arwah orang tua saya ni pon buang sisik tangan ikan, dalam masa 20 minit sampai di rumah tu [itu] ayah saya ni, orang pon dok [sedang] bertempik kata ayaq [air] naik, ayaq [air]besaq [besar] naik, orang tua saya pada masa tu, arwah orang tua saya ketua kampung, Haji Mashum ni [ini] ketua kampung pada masa tu [itu], lepas tu [itu] apabila masyarakat orang kampung terutamanya perempuan dan kanak-kanak ni dok bertempik kata air naik apa semua, kita pon pi [pergi] tengok, pi-pi [pergi] tengok, memang orang kata apa kejadian yang orang kata ayaq [air] yang orang kata ombak besaq [besar] tu [itu] kan, ombak pertama dah dia pukul dah, lepas tu orang kata kejadian yang kedua tu elok orang kata dalam azan, azan zuhur, “Allahuakbar! Allahuakbar!” habis tu mai [datang] yang kedua tu [itu], dia [ombak] bagi habis.</p> <p><b>Pada masa tu [itu] encik nampak sendiri?</b></p>
------------------------	---

laut di tengah tak [tidak] nampak, dia mai di daratan ni [ini] tempat cangkat [cetek] lagi dia [ombak] besar. Dia mai-mai tu [itu] habis dia bagi habis kira jadi hat [yang] depan tu kan, orang kata apa buat pagar semua tu, orang kata jadi padang jarak padang terkukur. Orang kata bergelempangan rumah papan habis semua.

**PELAJAR:**

**Kiranya penduduk yang dekat rumah tu [itu] sekarang dipindahkan?**

**ENCIK MUHAMAD**

**EFFENDI :**

Sekarang depa [mereka] ditempatkan di penempatan sementara Tsunami tu yang la [sekarang] dipanggil Permatang Katung. Taman Permatang Katung. Hat [yang] baru tu. Yang sebelum adik sampai di tempat apa pengkalan kat tali air tu. Kat [Di] situ penempatan yang dibuat oleh kerajaan untuk mangsa-mangsa yang kena. Yang tak [tidak] kena-- Sini yang hujung sekali, sebabnya dia ada tembok batu, tembok batu tu [itu] dibuat orang kata pada tahun 19.. kalau tak [tidak] salah saya pada tahun 1989, tembok tu [itu] kuat, kalau tak [tidak] ada tembok tu saya ingat haruslah habis rumah semua habis lah, tetapi ada tembok tu pon dia naik air, Ya Allah, orang kata apa sini orang kata apa, orang panggil keda ni, penempatan keda ni dia [ombak] tak [tidak] naik lah sebab tempat dia tinggi, hat [yang] bawah nu [sana], hat la [yang sekarang] ni yang dok buat tempat bisik-bisik baru tu, hat dulu [yang dulu] tu perkampungan lah, perkampungan nelayan di kampung tu Kampung Kuala lah, orang kata istilah di sini orang panggil cerok alor [tali air], cerok alor tu orang panggil kot situ memang rendah

saya nak habaq [beritahu] adik yang tu. Memang orang kata apa, dari situ yang orang kata daripada situ start [mula] permulaan situ sampai ke hujung ni memang depa [mereka] kena teruk. Sebab mereka bertentangan dengan laut betoi-betoi [betul-betul]. Memang dulu memang cantik, view [permandangan] dia memang cantik, orang kata walaupun depa [mereka] buat pon okey [baik] lah. Alhamdulillah daripada Kerajaan Negeri Kedah orang kata daripada MPSP (Majlis Perbandaran Sungai Petani), tengok pon okey [baik] dah. Dulu lagi elok [cantik], orang kata nampak laut, orang kata memang buka pintu nampak laut, petang-petang orang kata anak bersantai, la [sekarang] ni pon depa [mereka] buat Alhamdulillah cantik lah kan, dulu depan tu ada padang bola, depan yang memorial tu ada padang bola, padang bola untuk anak-anak kawasan, anak anak muda, dulu pon saya dok main bola di situ lah. Orang kata sebelum saya kahwin ni orang kata sebelum ni kita dok main di situ anak-anak muda, kami dok main bola di situ, hat [yang] dok buat kedai, gerai di situ, nampak dak gerai apa ni, memorial depan tu ada gerai, gerai menghadap laut tu, ha [ya] yang tu, lepas tu yang IKS (Industri Kecil dan Sederhana) tu yang tu dulu padang bola. Padang bola untuk anak-anak muda di sini lah dulu, la [sekarang] takdak [tiada] dah padang bola tu sebab depa dah ambil semua dah, lepas Tsunami tu depa [mereka] ambil, memang kejadian ni jadi orang kata apa memang kejadian yang bagi saya sebagai anak kampung sini dan orang kata apa, masa kejadian tu pon umur saya, saya ingat dalam, saya dok tengah belajar, dalam 24, 25 anggaran saya, orang kata apa, kejadian tu jadi tu kejadian yang

kita tak [tidak] pernah terfikir lah, memang kita tak [tidak] pernah terfikir, orang kampung memang taktau [tidak tahu] Tsunami tu apa, yang kita tau ni istilah musim ribut, musim ribut ni orang kata kita tau [tahu] la macam la [sekarang] ni, orang kata bila dah musim nak masuk barat tua, orang kata orang kampung nelayan ni walaupun saya, orang nelayan ni dia tau lah, dia nak masuk musim barat tua ni dia akan mai, mai [datang] ombak besar, hat [yang] tu lah dulu dia [ombak] hakis tanah lah kan, dia [ombak] ambil tanah, takda [tiada] ombak nak reban [roboh] macam tu, tapi hat [yang] ni gegaran, kesan gegaran di orang kata apa di Aceh masa tu[itu], dia [gegaran] sampai sini lah, tapi sampai sekarang sebab masyarakat sini dia jadi trauma, apabila jadi gegaran di Indonesia terutamanya di Sumatera, di Aceh sebab tak [tidak] jauh, Sumatera dengan sini tak [tidak] jauh, kalau kata dalam 300 Kilometer saja, kalau istilahnya makna kata kalau jalan darat orang kata dalam, kalau kita drive [memandu] dalam empat jam, lima jam boleh sampai dah, kalau dengan laut jauh sikit lah. Kalau kita naik kapal terbang macam kita dok pi [pergi] ke apa Medan tapi tak [tidak] jauh mana, dalam sejam boleh sampai dah naik kapal terbang. Tapi orang kata apa, apabila tetapi kerajaan pon selepas tu dia buat bengkel-bengkel ataupun orang kata untuk kesan apa orang kata untuk kalau terjadi gegaran saja, kalau kata hat [yang] haritu pon jadi hat [yang] besar tu memanglah yang pertama sekali kita berpandukan kepada TV [televisyen] lah kan, kat hujung tu akan terjadi Tsunami, kita akan tengok di situ, tapi di sini ada buat siren Tsunami tu, siren Tsunami dekat Masjid tu, Kuala Tepi Sungai, ada

masjid kita akan berpandukan bunyi siren tu kita keluar, tetapi la [sekarang] ni sekiranya gegaran besar, contohlah terjadi lapan point lebih, kita berjaga-jaga lah. Saya selalu seru dalam anak-anak kawasan saya ni, anak-anak buah saya, penduduk-penduduk saya, sekarang ni dunia pon canggih, dengan hensem [telefon bimbit], ada group whatsapp [media sosial] supaya berjaga jaga lah, kalau kata ada akan berlaku tsunami, kita akan keluar lah. Memang risiko lah sebab orang kata apa, dah pernah jadi kan, tapi saya sebab saya anak sini lahir pon di sini, saya suka duduk di kampung, bukanlah dari dasar peribadi saya memanglah tak [tidak] jadi masalah apa, tapi bagi kami alhamdulillah lah orang kata apa, selepas kejadian tu kita banyak, apabila terjadi gegaran saja, kita masing-masing orang kampung kita berjaga-jaga lah, orang kata kalau dia keluar amaran kata akan berlaku Tsunami, kita akan keluar lari lah, pi [pergi] ke tempat selamat lah, tapi in shaa Allah, kita pon kerajaan dah buat macam-macam dah persediaan bagi siren Tsunami, dia [kerajaan] buat kalau kata apa kita berhubung dengan pejabat penghulu, kita berhubung dengan JPAM (Jabatan Pertahanan Awam Malaysia), kita berhubung dengan badan-badan yang berkuasa ni, kita selalu dok pantau macam tu lah orang kata, tapi kita dah biasa rasa kita tau [tahu] lah kan, kalau orang tanya pada saya, macam mana kesan Tsunami lagi, memang saya cerita memang masa tu terjadi kira nak bangun balik [semula] kampung ni masa tu orang kata masa zaman tu arwah orang tua saya sebagai ketua kampung, banyaklah nak bangun balik [semula] tu, yang pertama sekali dari segi kesan ekonomi kepada

nelayanlah. Banyak bot depa [mereka] rosak, bot jadi pecah, tetapi bantuan kerajaan melalui LKIM (Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia) banyak membantu nelayan-nelayan. Mereka boleh bina balik [semula], orang kata apa, pinjaman dari LKIM (Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia), lepas tu orang kata apa, dana-dana sumbangan daripada Bulan Sabit Merah, lepas tu daripada syarikat-syarikat korporat, lepas tu daripada jutawan-jutawan yang bermurah hati contohnya macam orang kata Tan Sri Eric Chia, mendiang Tan Sri Eric Chia hat [yang] Perwaja tu kan, hat [yang] dia punya Park Avenue Hotel, dia punyalah, mati dah kan. Dia pon banyak membantu masyarakat orang kampunglah walaupun dia Cina, kita tak [tidak] kisahlah kan. Bagi saya dia Cina ka [atau] apa pon yang penting dia boleh bagi sumbangan kepada orang kampung.

**PELAJAR :**

**Kiranya kebanyakan penduduk kampung ni [ini] memang nelayan lah?**

**ENCIK MUHAMAD**

**EFFENDI :**

Sini semua 100 peratus nelayan. boleh dikatakan saya nak habaq [beritahu] sini lah, saya boleh katakan 98 peratus adalah neayan, satu peratus dalam sektor awam, cikgu lah, kerani sekolah ada lah kan, pembantu am rendah lah ada lah, satu peratus lagi tu dari sektor perkilangan, swasta lah, hat [yang] lain semua anak sini. Orang sini ni dia tak mau [tidak mahu] pi [pergi] kerja kilang. Budak muda pon yang kerja kilang perempuan lah, anak-anak perempuan ni ramailah budak-budak perempuan yang kerja kilang, sebab di sini bagi saya lah, orang sini senang cari

makan. Sebab satu la [sekarang] ni ada kemudahan pi [pergi] ke laut pon orang kata sebagai nelayan, depa [mereka] semua bot depa [mereka] canggih-canggih, laju-laju, depa [mereka] pi [pergi] ke tengah orang kata pukul tujuh depa [mereka] pi [pergi], lepas tu orang kata apa balik, tapi la [sekarang] ni lewat-lewat sikit lah kan, hasil tangkapan tu orang kata mudah lah, alhamdulillah lah kan. Lepas kerajaan pon banyak membantu orang-orang sini dan lepas Tsunami ni orang kata kadang-kadang dalam bala ada rahmat, dalam bala ada hikmah dia. tetapi kalau kita, kita takmau [tidak mahu] bala lah kan, sebab apa bala ni orang kata ujian, bala ni besar, kita kena pisau pon kita sakit dah tangan kan. Ni benda yang saya hadapi sebagai orang kata anak nelayan anak kawasan sini yang kita tengok realitinya, apabila terjadi Tsunami ni tu nak membangun kampung tu kan bukan senang orang kata. Lepas tu dengan keadaan kampung pada masa tu Ya Allah Ya Tuhan, orang kata padang jarak padang terkukur bayangkan. Masa tu adik umur berapa? Dalam 2004?

**PELAJAR :**

Sekolah rendah lagi.

**ENCIK MUHAMAD  
EFFENDI :**

Saya masa tu dalam 24, 25 tahun masa tu, orang kata apa kita nak keadaan kampung masa tu dengan saya balik mai [datang] orang kata, saya masa tu orang kata apa, balik daripada tengah bercuti untuk praktikal, praktikal mengajar, saya cikgu, saya balik masa tu orang kata nak praktikal di Terengganu, isteri saya masa tu, saya dah berkahwin dah, semester last [akhir] tu saya dah berkahwin dah, isteri saya orang

Terengganu, balik hantar dia [isteri], kejadian 26 tu, saya balik ke Terengganu dengan bas, balik hantar dia [isteri], sebelum saya bawa kereta saya ke sana, masa tu dia [isteri] dok tengah mengandung, orang kata tengah nak lahirkan anak lah, anak saya yang sulung tu, orang kata apa kita walaupun masa tu saya tak [tidak] duduk [tinggal] dalam kampung, kejadian memang saya ada, lepas habis tu saya balik pi [pergi] Terengganu saya kena praktikal tiga bulan di Kuala Terengganu, masa saya dalam balik sat [sebentar] tu, di kampung rumah lama tu, saya balik masa tu keadaan kampung pon orang kata macam padang jarak padang terkukur, kesan Tsunami tu, orang kata tanah dia tu kan, masih berhabuk, kejadian dia orang kata selut [lumpur] ni, selut [lumpur] Tsunami ni busuk, memang orang kata arwah mak saya pada masa tu dia [mak] pon meninggal dah kena strok, orang kata hari kejadian tu bawak dia dalam air tu, ni kaki dia ni bengkak. Air dia tu orang kata apa asid kot kita nak kata pon Wallahualam. Dan orang kata kejadian tu terjadi tu banyak ramai masyarakat kampung bagi kami trauma lah, sampai sekarang pon ada lagi yang orang kata apa, dia jadi saja gegaran ja di Indonesia, di Sumatera, jadi gelisah dah, dia takut. Takut nak kena dah, Ya Allah Ya Tuhan, bayangkan orang kata apa memang benda ni orang kata benda yang cukup-cukup menduga kita, yang pertama menduga kekuatan kita dari segi mental kita, fizikal kita, sebabkan orang kata sebab kerosakan rumah tangga, tempat kita berteduh, macam nelayan-nelayan yang kena tu, hat [yang] kawasan sini depa [mereka] tak [tidak] kena. Rumah tak [tidak] kena tetapi yang kena tu punca pendapatan

depa [mereka], bot depa [mereka] rosak, perahu depa [mereka] pecah, bayangkan sebab sini kita bergantung hidup sebagai nelayan, sebagai orang kata sumber kita tangkap ikan, tangkap ikan kita kena ada bot, kita kena pi [pergi] ke laut, tempat depa [mereka], orang kata apa nelayan ni anak ramai. Sampai lima, enam, berbelas orang pon ada. Kita nak jaga isteri tak [tidak] bekerja, walaupun kita ada rumah tangga tetapi punca pendapatan kita nak ambil mana. orang kata selama nak bangun balik tu, saya ingat makan masa dalam--

**PELAJAR :**

**Berapa tempoh nak pulih?**

**ENCIK MUHAMAD**

**EFFENDI :**

Tempoh nak pulih balik semua tu kira dalam masa dalam dekat-dekat dua tahun jugak lah. baru boleh nak balik-balik macam normal balik [semula] dalam 2006 tu orang kata nampak macam balik elok [pulihan] 2005 tu pon terasa lagi, orang kata masih lagi--

**PELAJAR :**

Hujung tahun masa tu kan.

**ENCIK MUHAMAD**

**EFFENDI :**

Orang kata sebab terjadi hujung tahun 2004, 2005 tu memang terasa lagi lah, orang kata apa depa [mereka] hat [yang] sebagai nelayan, dia masih orang kata apa, terawang awangan lagi. Nak turun laut pon mula bot lengang. Turun tepi sungai, turun tepi laut, tempat tidaknya tempat sebagai orang kata kita ni sebagai nelayan, tempat kita pengkalan kita lah, macam saya sebagai guru tempat kita di bilik guru lah kan, macam kita sebagai student [pelajar] tempat kita dalam bilik kuliah kita lah kan, tempat kita tempat parking, takdak [tiada] apa lengang. Titi takdak [tiada], orang kata

padang jarak padang terkukur daripada kerajaan nak buat balik tu pon bukan makan [ambil] masa, nak buat titi, nak buat jambatan lain, nak bagi balik, nak pulih balik, nak buat bot kepada nelayan-nelayan ni makan [ambil] masa, orang kata apa cukup-cukup ni orang kata makan [ambil] masa sungguh, tapi orang kata dalam masa tu rahmat juga lah kan, hat [yang] mana dapat balik bot depa [mereka], depa buat semula bot baru.

**PELAJAR :**

**Masa selepas kejadian tu [itu], mangsa-mangsa tu ditempatkan sementara di mana?**

**ENCIK MUHAMAD  
EFFENDI :**

Okey [baiklah], terima kasih tanya yang tu [itu]. Okey [baiklah], mangsa-mangsa yang tu apabila rumah hat [yang] takdak [tiada] ni, dia panggil rumah transit. Kita buat rumah transit. Transit tu dia panjang, kita buat dengan plainwood, orang kata apa buat orang kata apa bagi kat depa orang kata apa buat dengan plainwood dulu, buat dalam ukuran berapa taktau [tidak tahu], saya pon tak [tidak] berapa pasti luas rumah tu kiranya --

**PELAJAR :**

Rumah panjang lah.

**ENCIK MUHAMAD  
EFFENDI :**

Rumah panjang-rumah panjang, kita panggil rumah transit, rumah tu rumah panjang punya. Semua mangsa-mangsa dok situ la. Di mana, di tapak tu lah penempatan Permatang Katung tu lah.

**PELAJAR :**

**Lepas tu baru buat [bina] rumah yang ni lah?**

**ENCIK MUHAMAD  
EFFENDI :**

Lepas tu baru buat [bina] rumah yang ni. Rumah yang ni siap pon saya ingat dalam masa dalam tiga tahun juga. 2007 baru depa [mereka] boleh dapat rumah ni. 2007 baru rumah ni orang kata apa, baru terbina dengan elok.

**PELAJAR :**

**Permatang Katung?**

**ENCIK MUHAMAD  
EFFENDI :**

Taman permatang Katung.

**PELAJAR :**

**Kiranya semua la ni [sekarang] jadi perkampungan ka [atau] taman?**

**ENCIK MUHAMAD  
EFFENDI :**

Dia orang kata nak kata kampung, tapi la [sekarang] orang dok kata situ tamanlah. Taman Permatang Katung. Adik kalau balik sat [sebentar] lagi di sebelah kanan, tengok Taman Permatang Katung. Di situ lah dibuat Taman Permatang Katung.

**PELAJAR :**

**Macam encik kata tadi, dalam kejadian tu sembilan orang meninggal kan?**

**ENCIK MUHAMAD  
EFFENDI :**

Ya, ya.

**PELAJAR :**

**Boleh bagitau [beritahu] siapa yang meninggal?**

**ENCIK MUHAMAD  
EFFENDI :**

Okey [baiklah]. Yang meninggal tu yang pertama sekali yang kalau tak salah saya lelaki, sat [sebentar] lelaki berapa orang taktau [tidak tahu], lelaki dua orang, lepas tu ni apa perempuan, lelaki dua

perempuan ada enam, lepas tu orang dewasa lah, orang dewasa tujuh, kanak-kanak dua orang. Dalam yang dewasa tu lelaki dua, perempuan lima, ha [ya] betul. Kanak-kanak tu perempuan seorang, lelaki seorang. Kira orang kata apa dia yang meninggal ni macam ni, rumah timpa [hempap] atas depa [mereka], kayu timpa [hempap] atas depa [mereka], lepas tu orang panggil dia takdan [tidak sempat] nak keluar, air bawa tekan. Hat [yang] budak yang dua orang tu bapa dia lah kan, bapa dia pegang sebelah kiri, sebelah kanan, terlepas dua-dua.

**PELAJAR :**

**Adik-beradik lah?**

**ENCIK MUHAMAD  
EFFENDI :**

Ha [ya] adik-beradik. Mangsa tu dua-dua adik-beradik. Bapa dia yang tu pak [bapa] dia ada lagi di sini duduk di sini. Orang kata apa, pegang tu, pegang hat [yang] yang ni jatuh, pegang hat [yang] ni dua-dua terlepas. Dengan pak-pak [bapa] di sekali, Saya dan [sempat] tengok mayat, dan saya tengok mayat yang dijumpai yang pertama sekali makcik tu nama apa makcik tu rumah dia tepi laut tu. Kira dia [makcik] nak tengah sembahyang, Dalam keadaan pakai telekung sembahyang lah. Kira kita pi [pergi] ambil mayat dia tu orang kata dalam keadaan dok tengah sembahyang. . Lepas tu lelaki kita jumpa mayat dia pukul sembilan malam, dok tepi tu kita jumpa mayat. Hat [yang] lain ni lepas kejadian tu orang kata apa, air surut, surut-surut air tu cari-cari dok timpa [hempap] kayu, lepas tu ada yang --

**PELAJAR :**

**Kiranya semua mayat tu dijumpai lah?**

<p><b>ENCIK MUHAMAD EFFENDI :</b></p>	<p>Ya jumpa-jumpa. Semua mayat dijumpai takdak [tiada] yang kata hilang. Kitajumpa dengan sempurna lah. Tapi dalam keadaan berselut [berlumpur]. Jumpa mayat dalam keadaan elok. Takdak [tiada] lah yang kata putus nu [sana] putus ni, takdak [tiada] lah. Kita jumpa dengan sempurna lah mayat depa [mereka] pon.</p>
<p><b>PELAJAR :</b></p>	<p><b>Saya ada dengar juga masjid yang dekat situ, tak [tidak] kena?</b></p>
<p><b>ENCIK MUHAMAD EFFENDI :</b></p>	<p>Masjid tak [tidak] kena. Masjid dengan surau.</p>
<p><b>PELAJAR :</b></p>	<p>Dia [masjid] dekat dengan laut.</p>
<p><b>ENCIK MUHAMAD EFFENDI :</b></p>	<p>Ya kubur ni kena. Kubur ni orang kata batu nisan ni kena habis lah, Pada pagi tu kita ada kita simpan, ada kebumikan seorang jenazah. Jenazah budak-budak perempuan. Ingat lagi budak perempuan yang kena penyakit leukemia. Budak tu kena penyakit leukemia.</p>
<p><b>PELAJAR :</b></p>	<p><b>Yang ni kes sebelum kejadian?</b></p>
<p><b>ENCIK MUHAMAD EFFENDI :</b></p>	<p>Ya sebelum kejadian pagi tu. Pagi tu kita kebumikan seorang budak yang kena leukemia, orang kata apa, dalam pukul berapa masa tu, Simpan [kebumi] dalam pukul sepuluh pagi selesai kebumi tu. Tapi orang kata dengan izin Allah ni masjid tak [tidak] kena apa, masjid dok bertentangan situ. Rumah kiri kanan kena, rumah yang bertentangan.</p>
<p><b>PELAJAR :</b></p>	<p>Ha [ya] yang depan tu.</p>

**ENCIK MUHAMAD  
EFFENDI :**

Mai depan masjid tak [tidak] kena. Masjid orang kata apa pagar runtuh, hat [yang] lain nak kata air masuk takdak [tiada]. Surau pon, surau tu tepi-tepi laut betoi [betul]tapi [tetapi] dia ada tembok kan, air naik, air laut masa naik tu [itu] orang kata apa dia masuk dia lalu laluan, yang tu saya tengok sendiri depan mata saya, saya tengok. Air ni, surau tak [tidak] kotor langsung.

**PELAJAR :**

**Tak [tidak] masuk langsung?**

**ENCIK MUHAMAD  
EFFENDI :**

Dia [air] masuk dekat bawah tu saja. Dekat dengan kaki lima tu saja. Macam orang kata 'porch' rumah saya tu dia masuk tang [di] situ saja. Tu pon tak [tidak] masuk semua. Dia [air] naik sikit sangat lah. Surau tak [tiada] rosak apa. Kawasan tu kena. Habis yang lain semua kiri kanan orang kata apa yang lain naik selut [lumpur], cuma orang kata tang [di] surau takdak [tiada] apa. Memang orang kata apa, saya tengok pon orang kata apa kita sebagai manusia ni kita tengok lah kan tu lah orang kata kan macam di Aceh juga lah kan, tengah-tengah masjid ja yang ni [ini], hat [yang] lain kebesaran Allah ni [ini] rumah Allah ni kita tak [tidak] kata, surau situ, masjid sini pon tak [tidak] kena, surau tu [itu] memang surau lama lah, orang kata apa takda [tiada] orang kata kesan langsung, yang tu yang orang kata Alhamdulillah lah, takdak [tiada] yang jadi problem [masalah] apa di masjid tu.

**PELAJAR :**

**Takdak [tiada] kerosakan?**

**ENCIK MUHAMAD**

Takdak [tiada] kerosakan. Nak kata runtuh tu takdak

**EFFENDI :**

[tiada] air lalu, air lalu dia masuk kena kat kaki lima tu sikit ja. Saya tengok sendiri memanglah masjid pon takdak [tiada] apa cuma masjid ni [ini] kubur batu nisan dia teraboq [terabur] lah. Sebab kubur kami bertentangan dengan laut. Sampai ke la [sekarang] kubur tu lah kita dok pakai kubur tu lah. Memang macam tu lah. Lepas habis tu kita gotong-royong buat bagi elok balik semula kan. Dengan keadaan tu jadi kebesaran Allah ni kita tak [tidak] boleh nak kata. Rumah saya tak [tidak] kena.

**PELAJAR :**

**Sepanjang laut ni ada berapa kampung?**

**ENCIK MUHAMAD**

**EFFENDI :**

Sepanjang laut dari sini, okey [baiklah] yang kena teruk kampung ni lah, kampung saya; Kampung Tepi Sungai Kuala Muda. Sini orang panggil Kampung Tepi Sungai Kuala. Atas hat [yang] kena tu Kampung Kepala Jalan. Dia panggil situ Kampung Kepala Jalan, sebabnya Kampung Kepala Jalan tu tapi dia bawah Mukim bawah saya lagi la, kira dalam JKK (Jwatankuasa Kemajuan Kampung) orang kata apa la [sekarang] ni satu mukim JKK (Jwatankuasa Kemajuan Kampung) tiga kampung saya kena jaga, Taman Permatang Katung, Kampung Kepala Jalan, Kampung Kuala Tepi Sungai ni, atas lepas tu dia panggil Kampung Masjid, ada masjid tu, masjid tu lah, Masjid Kuala Sungai Muda tu, masjid, Kampung Masjid, Kampung Padang Salim, lepas tu Kampung Hujung Permatang, Kampung Paya, lepas tu Kampung Sungai Meriam, Kampung Sungai Yu, lepas tu Kampung Pulau Sayak, hat [yang] orang dok tengok anak bulan tu kan, kita sekali bulan puasa dengn raya,

Kampung Pulau Sayak lepas tu dia pi[pergi] kot [melalui] sampai hujung tu [itu] cross [melintasi] mai [datang] kot [melalui] situ pula orang panggil Kampung Teluk Amboi, Lepas tu Kampung Teluk Bilik, Kampung Bukit Tukang Jusoh, Kampung Teluk Nipah, lepas tu Kampung Pantai Merdeka.

**PELAJAR :**

**Semua kampung ni semua kena?**

**ENCIK MUHAMAD**

**EFFENDI :**

Yang kena ni orang kata apa, Pantai Merdeka tak [tidak] kena sangat, Teluk Nipah tak [tidak] kena, yang kena yang teruk ni yang mangsa yang kena ni orang kata yang kena Kampung Kuala Tepi Sungai kampung saya, Kampung Kepala Jalan, lepas tu Kampung Masjid Kuala, okey [baiklah] Kampung Padang Salim, okey [baiklah] tapi hat [yang] depa [mereka] ni Kampung Padang Salim ni pon depa [mereka] tak [tidak] kena teruk, depa [mereka] kena sikit-sikit ja. Depa [mereka] rumah tak reban [roboh] apa yang tu. Hat [yang] teruk di sini lah, Kampung Kepala Jalan dengan Kampung Kuala Tepi Sungai ni lah yang teruk. Lepas tu Kampung Paya, Kampung Paya kena. Ada rumah yang tepi tu Kampung Paya kena banyak. Kampung paya pon ada kena jugak. Kmapung Paya ada kena, hat [yang] tu rumah ada reban [roboh] banyak jugak. Kampung Sungai Meriam yang tu kena, rumah pon ada jugak kena tapi saya nak habaq [beritahu] rumah depa [mereka] saya takttau [tidak tahu], yang tu kena tanya JKK (Jawatankuasa Kemajuan Kampung) depa [mereka]. Lepas tu Sungai Yu pon kena juga, Kampung Sungai Yu.

**PELAJAR :**

**Kiranya jarak dia tu berapa kilo [kilometer]?**

**ENCIK MUHAMAD**

Tak [tidak] jauh mana. Kami dekat-dekat ja orang kata apa dari sini--

**EFFENDI :**

**PELAJAR :**

**Berapa luas kawasan tu?**

**ENCIK MUHAMAD**

Okey [baiklah], saya nak habaq [beritahu] daripada kilometer dari sini sampai ke saya ingat Pulau Sayak, saya baca dalam saya ingat lapan kilometer juga lah. Jarak dia lapan kilometer ja. Yang kena teruk lah. Mai [datang] ke Pantai Merdeka depa [mereka] tak [tidak] kena apa sangat sebab depa [mereka] kot situ ada tembok, kerajaan buat kan tempat Pantai Merdeka tu tembok ada situ tinggi lah kan. Hat [yang] kena ni yang takdak [tiada] tembok ni kena lah, orang kata yang teruk nya di sini lah Kampung Kuala Tepi Sungai la sebab kami ni bertentangan dengan laut betul-betul. Depa [mereka] tu walaupun bertentangan dengan laut, depa [mereka] jadi rumah tepi pantai tak [tidak] ramai, tak [tidak] banyak. Kampung Paya ada rumah lah, ada rumah tepi pantai tu Kampung Paya ada. Depa [mereka] pon kena teruklah. Dia [kampung] yang kena teruk dengan Kmpung Kuala lah yang kena. hat [yang] lain Kampung Kepala Jalan ni pon, Kampung Hujung Permatang, tak [tidak] kena sangat. Tapi air naik lah kesan air tu biasa lah.

**EFFENDI :**

**PELAJAR :**

**Paras dia [air]?**

**ENCIK MUHAMAD**

Saya nak habaq [beritahu] paras tinggi ni orang kata anggaran--

**EFFENDI :**

**PELAJAR :**

**Dalam berapa kaki?**

**ENCIK MUHAMAD**

**EFFENDI :**

Eh lebih, kira sebab apa yang kata tu, tiang elektik pon boleh patah, tiang elektrik, bayangkan tiang elektrik kita yang batu la [sekarang] ni dulu kayu, la [sekarang] ni yang batu la, masa tu zaman tu batu dah, dia kena tu orang kata apa patah ni. Di tengah- tengah tu simen hilang, konkrit saja, tinggal besi saja. Saya kira pon tiang elektrik tinggi saya ingat dalam tiang elektrik tu berapa kaki tinggi, saya ingat anggaran saya dekat-dekat, saya baca pon rumah saya, saya buat tinggi dua belas kaki, saya baca dalam empat belas kaki ada. Tinggi daripada tiang elektrik. Tinggi dari tiang elektrik boleh kena.

**PELAJAR :**

**Tinggi dari pokok nyok [kelapa]?**

**ENCIK MUHAMAD**

**EFFENDI :**

Eh pokok nyok [kelapa] tu tinggi sangat lah, saya dok baca paling tinggi pon kita anggaran dalam dua belas kaki ja tinggi.

**PELAJAR :**

**Galeri yang dekat situ tu sejak bila depa [mereka] tubuhkan?**

**ENCIK MUHAMAD**

**EFFENDI :**

Okey [baiklah], galeri tu selepas kejadian tsunami, depa [mereka] buat [bina] saya ingat anggaran tu saya baca dalam ,saya ingat dalam tahun 2000, dilancarkan baru tahun lepas dilancarkan saya ingat sebelum tu saya ingat dalam, kalau tak [salah] saya dalam 2010 macam tu. Kita ada buat Galeri Tsunami ni selepas enam tahun kita buat [bina] galeri lah. Dibuat sebagai tapak memorial lah. Tapak peringatan. Yang buat

<p><b>PELAJAR :</b></p>	<p>[bina] tu semua perahu-perahu tu semua tu kan.</p>
<p><b>ENCIK MUHAMAD EFFENDI :</b></p>	<p><b>Yang tu semua buatlah?</b></p> <p>Yang bot tu depa [mereka] kata, saya nak habaq [beritahu] pon bukan bot tu bukan daripada sini, depa [mereka] bot tu depa [mereka] import daripada Tamjung Dawai apa tapi semua bot tu adalah mangsa-mangsa Tsunami lah.</p>
<p><b>PELAJAR :</b></p> <p><b>ENCIK MUHAMAD EFFENDI :</b></p>	<p><b>Daripada mangsa-mangsa?</b></p> <p>Mangsa bot-bot tu yang kena. Tanjung Dawai pon ada, bot Yan pon bawa mai sini, perahu kami pon dua tiga buah pon ada. Bukan semua daripada kampung ni. Bot daripada luar lah.</p>
<p><b>PELAJAR :</b></p> <p><b>ENCIK MUHAMAD EFFENDI :</b></p>	<p><b>Pemilik tu bagi izin?</b></p> <p>Bagi izinlah. Buat ambil tu sebagai orang kata apa buat sebagai memorial Tsunami dan rumah Haji Awang tu, rumah dia pon dulu kena teruk, rumah dia tu apabila kerajaan ambil, kerajaan perbaik, dia baiki apa semua, lepas tu jadikan sebagai orang kata apa ni lah muzium Tsunami nih. Sat [sebentar] lagi kalau adik-- la [sekarang] ni tiap-tiap hari minggu, memang ramai. Sebab yang jadi macam tu sebab 'student' [pelajar] sekolah sebab anak murid saya pon mai [datang], anak murid isteri saya pon mai [datang], mengajar di Sekolah Seberang Prai, Kepala Batas, dia la ni [sekarang] sejarah org panggil kajian tempatan kan, dia buat kesan sejarah dan tempat yang terjadi tu.</p>

Makna kata sini lah mudah sebab ada kesan dia kan, ada rumah hat [yang] kebanyakannya mai [datang] dari merata. Pulau Pinang, la [sekarang] ni hujung minggu Jumaat, Sabtu, Ahad ni orang kata apa cukup-cukup ramai keadaan orang kata student [pelajar] dok mai buat kajian tempatan depa ni. Budak-budak Tingkatan tiga kan depa [mereka] buat PT3 (Penilaian Tingkatan Tiga). Kalau tak [tidak] salah saya. Depa [mereka],mai [datang] buat Kajian Tempatan depa [mereka] memang ramai. Cukup-cukup orang kata apa ramai. Kelmarin masa saya nak keluar makan kenduri, penuh ada kenduri di situ pon penuh dengan kereka kenduri, dengan kereta pelajar, waris-waris pelajar pon. Depa [mereka] mai [datang] di situ pon mai [datang] buat kajian. Ramai memang depa [mereka] akan jumpa, akan temu ramah lah, situ ramai orang kampung kan, depa [mereka] akan temu ramah mengenai kejadian Tsunami macam tu lah.

**PELAJAR :**

**Siapa yang mencadangkan galeri tu ditubuhkan?**

**ENCIK MUHAMAD**

**EFFENDI :**

Kalau tak [tidak] salah saya, yang mencadangkan tu daripada guru-guru sejarah lah kan, yang orang kata apa, dimasukkan dalam silibus Kementerian Pelajaran. Cikgu-cikgu sejarah lah yang mungkin, sebab apa, nak cari kesan sejarah yang berlaku dan benda yang ada kesannya di sini lah. Kalau hat [yang] lain ni memang lah kalau tak [tidak] salah saya sebelum sini depa pi [pergi] di belah Candi Batu Hampar situ. Depa [mereka] buat situ. La [sekarang] ni tumpuan di sini lah. Orang kata dari segi pelancongan ni di sini orang kata peluang lah memang orang kata saya tengok lepas

kejadian Tsunami ni, lepas kerajaan buat memorial ni ramai orang luar mai [datang]. Banyak lah pelakon-pelakon pon mai [datang] haritu awal tahun haritu Mawi [artis Malaysia] mai [datang] buat berlakon dalam kampung ni, lepas tu di Memorial Tsunami pon dia pi [pergi]. Saya pon tolong bawa pi [pergi] tengok orang kata banyak lah, banyak daripada -- La [sekarang] ni student-student [pelajar-pelajar] buat kajian memang hujung minggu memang ramai lah kan. Ramai-ramai. Kadang-kadang, sekolah tu mai [datang] satu bas, mai [datang] dua biji bas kan. Hat [yang] sekolah berasrama, Sekolah Al Irsyad kalau tak [tidak] salah saya, Mai [datang] dua buah bas; Sekolah Sains Mohamad Jiwa. Rata lah mai [datang], daripada Pinang pon mai [datang], Daripada Alor Setar pon mai [datang] nak [hendak] tengok sendiri. Depa [mereka] mai [datang] nak [hendak] tengok ni [ini] lepas tu [itu] dok [selalu] mai [datang] temu ramah orang kampung lah. Bagus lah. Nak temu ramah saya seorang jenuh saya nak jawab kan. Sebab tu saya kata sapa [siapa] nak cakap, cakap lah kan. Kita takda [tiada] masalah lah. Boleh temu ramah. Tapi Alhamdulillah lah, bagi saya sebagai anak sini orang kata apa sebagai ketua masyarakat di sini, sebagai ketua kampung, banyaklah kerajaan dah buat lepas tsunami ni, mangsa Tsunami ni orang kata apa banyak dah la kira dari taraf ekonomi nelayan. Sebab sini boleh dikatakan semua nelayan, depa [mereka] orang kata apa ekonomi depa [mereka] pon banyak dah meningkat, ada kemudahan kerajaan dok bagi. Lepas tu apa rumah hat [yang] depa [mereka] dapat tu pon selesa lah. Kira macam banglo tiga bilik buat rumah tu memang depa [mereka] kena

bayar, kerajaan charge [kenakan] lima puluh ringgit sebulan. Lima puluh ringgit saja, tu [itu] pon ada yang tak mau [tidak mahu] bayar, biasa lah, tapi orang kita ni kan kadang-kadang lima puluh ringgit ja yang kena bayar, yang saya tau [tahu] kerajaan bagi kat depa [mereka], depa [mereka] bayar lima puluh ringgit.

**PELAJAR :**

**Setiap keluarga satu rumah?**

**ENCIK MUHAMAD**

**EFFENDI :**

Yang mana -- Kata lah si waris yang mangsa ni kawasan sekeliling dia rumah anak dia, rumah anak yang nombor dua, nombor tiga, kalau semua kena, semua dapatlah. Setiap seorang lah. Kira rumahlah. Setiap rumah mangsa. Bukan kata kalau kata si Abu ni kena, anak Abu ni hat yang ni pon kena, nombor satu kena, nombor tiga kena, dia kena, dia bagi lah semua. Macam tu ja lah. Yang jadi kerajaan bagi semua lah, memang hat [yang] mana mangsa semua dapat. Kebas kaki dah ha [ya]? Itu lah serba sedikit. Ada nak tanya apa lagi?

**PELAJAR :**

**Kiranya selepas kejadian tu tembok tu lah untuk atasi?**

**ENCIK MUHAMAD**

**EFFENDI :**

Okey [baiklah], lepas kejadian tu baru depa [mereka] buat, orang kata selepas-lepas jadi Tsunami tu kerajaan buat, buat tembok pagar elok, depa [mereka] buat tembok lah takut, kalau tak buat tembok tu, mai [datang] air bagi lagi, lagi masalah lagi. Tapi buat tembok tu sampai ke sini lah. Hat yang hujung sikit tu baru buat lagi tu baru sambung. Baru tambah, orang kata apa, Depa [mereka] kadang-kadang ni pon

kerajaan ni pon bawah MPSP (Majlis Perbandaran Sungai Petani), depa ambik tang [di] hujung kejadian yang jadi tang [di] depa [mereka] pagar tu sahaja. Lepas tu dia tinggal lagi 200 meter, saya kata tinggal yang 200 meter terjadi kata masuk ikut situ lah. Hat [yang] lain kita tutup, mai tang [di] hujung kita buka mana boleh saya kata. Tu saya buat permohonan lain, orang kata tahun lepas, awal bulan puasa tahun lepas ja, 2016 tu baru orang kata buat lain, baru tembok lain. Orang kata kita buat elok, sempurna elok lah.

**PELAJAR :**

**Start [mula] buat tu [tembok] bulan berapa?**

**ENCIK MUHAMAD**

**EFFENDI :**

Tak [tidak] salah saya buat pagar ni, tembok tu dalam-  
- sat, dok [sedang] fikir saya pon dalam 2008 atau 2009 lah. Tu pon dia buat sikit-sikit. Tak buat terus.

**PELAJAR :**

**Nelayan depa macam trauma untuk pi [pergi] ke laut balik [semula], berapa lama masa depa [mereka] ambil masa nak pi [pergi] balik tu?**

**ENCIK MUHAMAD**

**EFFENDI :**

Depa [mereka] orang kata makan [ambil] masa dalam depa [mereka] nak turun ke laut tu balik, bukan trauma apa, cuma bot takdak [tiada]. Nak turun bot masa tu orang kata bot rosak, habis semua lah kan, bot rosak, enjin rosak, pukak rosak, semia, ni habis semua masuk dalam orang kata apa -- saya dulu saya ada simpan gambar dalam PC (Personal Computer) tu [itu] habis apa dah PC pon dah lama dah. Gambar-gambar saya ambil tu pon saya ada. Tidak boleh membantu lah. Dulu saya ada bagi kajian daripada budak USM (Universiti Sains Malaysia) saya bagi kat depa, saya

bantu tu. Orang kata la [sekarang] dah habis dah pon. Orang kata habis bot rosak, nak ke laut takdak [tiada] perkakas [peralatan], orang kata kita nak makan, pinggan takdak [tiada] macam mana?. Kita nak minum, kita lapar, nasi takdak [tiada] nak makan macam mana. Kira tengok laut masa tu kita kata apa, dok tengok laut tengok saja la. Nak turun tak [tidak] boleh. Ada yang bot tak [tidak] rosak pon pi [pergi] jugak, tu pon tak [tidak] ramai lah. Orang kata masa tu ramai yang alatan tangkapan depa [mereka] rosak, bot rosak, enjin rosak, habis semua pukak hilang habis hari kena Tsunami tu. Makan masa kira nak pulih tu dalam enam bulan jugak. Enam bulan baru orang kata apa nak dapat bot baru, kerajaan nak mai [datang] hantar, kira enam bulan ke setahun jugak lah makan [ambil] masa. Kira tapi masa tu orang kata apa banyaknya orang kata apa sumbangan-sumbangan kerajaan lah, dana-dana sementara tu kerajaan mai [datang] hantar makanan bertimbun-tibun lah, PETRONAS mai [datang] hantar beras, orang kata sampai dua trela orang kata kan. Kadang-kadang tu beras depa [mereka] ambil pon dok simpan sampai jadi buruk balik pon ada kan. Depa [mereka] bagi banyak, dari segi makanan no problem [tiada masalah]. Dari segi punca pendapatan tu lah nak balik-balik tu orang kata apa, banyaknya orang bantu lah, kerajaan. Nak pulih balik tu pon bukan senang, enam bulan hingga setahun jugak la baru depa [mereka] dapat bot depa balik. Orang kata dapat beli bot baru, buat bot baru, itulah.

**PELAJAR :**

**Nelayan tu tak payah [tidak perlu] bayar apa lah?**

**ENCIK MUHAMAD**

**EFFENDI :**

Kalau tak [tidak] salah saya pinjaman, pinjaman berbayar jugak. Tapi ada yang tak [tidak] bayar. Dapat dana nelayan, kerajaan bagi LKIM [Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia], bayaran tu kena bayar, pinjaman, tapi orang kita ni hat [yang] kerajaan ni tak gaduh [tidak perlu] bayar lah. Berbayarlah. Tapi yang bagus depa [mereka] bayar. Yang ada sifat tanggungjawab ni dia rasa dia ada hutang dengan kerajaan ni dia bayar.

**PELAJAR :**

**Bukan murah kot?**

**ENCIK MUHAMAD**

**EFFENDI :**

Bukan murah, bot masa tu pon anggaran lapan puluh ribu. Bot kayu lah. Kalau bot fiber ni kira masa tu dalam -- enjin, bot anggaran dalam sebuah-sebuat mahu dekat-dekat lengkap lengkap lima puluh ribu lah. Masa tu kan kerajaan bantu depa untuk modal untuk cari ni lah, untuk bangun semula balik, macam tu lah. Minum lah air dulu.

**PELAJAR :**

**Boleh encik cerita pasai [mengenai] diri encik, maksudnya kerjaya sekarang?**

**ENCIK MUHAMAD**

**EFFENDI :**

Kerjaya sekarang, saya ni orang kata apa, saya seorang anak nelayan lah, arwah pak [bapa] saya ni nelayan, orang kata kehidupan anak kampunglah, dia pon anak kampung, saya pon orang kampung dilahirkan di kampung sini lah, saya lahir di sini tahun, membesar di kampung, orang kata anak kampunglah, tapi kehidupan saya, arwah saya, arwah orang tua saya ni

dia menekankan aspek pendidikan. Setiap anak, kami lima beradik, lima orang kan. Memang orang kata ayah, arwah ni orang kata cukup tekan aspek pendidikan. Dia seorang nelayan dan ada lah meniaga ikan sikit-sikit tu jugak. Dia buta huruf, arwah orang tua saya ni [ini] dia buta huruf memang tak [tidak] pandai membaca. Tapi atas semangat didikan, dia mahu [mahu] anak-anak berjaya lah. Saya memang anak kampung, orang kata dulu masa zaman-zaman sekolah rendah ni, sungai ni mainan saya lah. Ayah pi [pergi] ke laut ni saya ikut ayah pi [pergi] ke laut. Saya tau [tahu] kehidupan saya memang minat dengan laut. Saya memang orang kata apa, memang kampung boy lah. Orang kata istilah memang anak kampung ni main sungai, tangkap ketam, tangkap udang, pi [pergi] ke laut, orang kata lepas tu habis lepas UPSR (Ujian Penilaian Sekolah Rendah), Saya pi [pergi] masuk sekolah agama, ayah saya hantar pi [pergi] dok [tinggal] di sekolah agama di Perlis. Dok [tinggal] di situ empat tahun, sampai Tingkatan empat, Lepas PMR [Penilaian Menengah Rendah], lepas tu saya balik masuk Sekolah Menengah Khir Johari Sungai Petani. Lepas Tingkatan lima saya masuk, habis SPM (Sijil Pelajaran Malaysia), sambung pelajaran ke UTM (Universiti Teknologi Malaysia), ambil Diploma, lepas tu habis UTM (Universiti Teknologi Malaysia) masuk ke UPSI (Universiti Pendidikan Sultan Idris) Tahun 2001 sampai 2005 lah. Kira 2005 tu saya dah konvo dah, 2005 tu lah saya di posting senagai guru lah. Kerjaya saya ni memang sebagai seorang guru lah. Orang kata Guru Bimbingan dan Kaunseling. Kaunselor pelajar lah. Kira mula-mula habis tu saya di

posting kan di tempatatan saya yang pertama di Johor, di Labis, Johor. Habis di Labis, Johor tu, balik mai masuk ke Pulau Pinang, Sekolah Menengah Air Itam. Lepas Sekolah Menengah Air Itam, masuk di Sekolah Menengah Pokok Sena, Kepala Batas. Lepas tu la [sekarang] ni mai [kembali] ke Sekolah Menengah Sungai Pasir. Sekolah Menengah Sungai Pasir Sungai Petani ni lah. Saya la [sekarang] mengajar sesi petanglah. Kira pengalaman mengajar tahun ni dok ada tahun ke dua belas dah lah. Dua belas tahun pengalaman mengajar sebagai guru ni dua belas tahun dah lah. Lepas tu menjawat orang kata apa, jawatan Ketua Kampung ni JKK ni pada tahun 2014 saya mula jadi Ketua Kampung sebab saya dilantik oleh masyarakat di sini. Lepas tu kegiatan saya dalam politik, saya Ketua Pemuda UMNO Bahagian Sungai Petani. Karier saya dalam bidang politik juga. Tapi kehidupan saya ni saya suka dok [tinggal] di kampung lah. Orang kata kadang-kadang pasaipa [kenapa] mai [pulang] balik dok [tinggal] di kampung ni. Bagi saya jiwa saya orang kampung yang mana saya baca konsep hidup saya orang kata di mana bumi dipijak, di situ langit di junjung lah. Boleh banyak masyarakat kampung orang kata apa, hat yang mana saya boleh bantu saya bantu lah dari segi kadang-kadang -- saya biasa susah, kadang-kadang kan saya tengok kesusahan ni orang kata saya tau [tahu] erti susah ni. Orang kata sebagai anak nelayan kadang-kadang ada juga sampai la [sekarang] ni kan saya sebagai orang politik ada juga saya tengok saya pi [pergi] rumah saya buat program ziarah ke rumah orang ni kadang-kadang, rumah yang kadang-kadang pon kita tengok

kesian [kasihan] pon ada. Orang kata apa bumbung pon bocor, terpelahang [berlubang] sana, terpelahang [berlubang] sini. Rumah di situ lah tempat nak tidur, di situ lah tempat orang kata nak makan, yang mana saya boleh bantu. Tapi Alhamdulillah lah di kampung saya ni boleh dikatakan takdak [tiada] lah yang susah teruk sangat. Orang kata apa yang saya boleh bantu saya bantu lah terutamanya dari segi kebajikan depa [mereka] lah. Dari aspek bantuan yang dapat tu daripada saya tu banyak membantu lah kepada orang kampung. Kalau nak kata susah tak makan ni muhong [tipu] lah. Kira dari yang sakit kritikal tu macam sakit cuci buah pinggang tu sumbangan takat [setakat] saya boleh bagi tu saya bantu lah. Dari segi kebanyakannya saya tekan kan kepada orang kata apa banyak bantu pelajar-pelajar sekolah lah. Sebab bagi saya kita orang Melayu ni modal insan kita adalah pelajaran. Kalau kita takdak [tiada] aspek pelajaran, kita ketinggalan lah. Sebabnya orang kata kita tak jadi macam bangsa-bangsa lain macam Cina. Cina dia pandai meniaga. Dan kita dasar pecah dan perintah oleh British dulu ni pon dah buat macam tu kan. Orang Melayu, hang [awak] dalam sektor kerajaan, Cina hang [awak]meniaga, India hang [awak] pi [pergi] kerja di estate [ladang] Zaman British. Sampai ke la [sekarang] mentaliti kita pon orang Melayu kita ni pon macam tu juga lah. Dia tak baca, saya sendiri pon, saya pon dok ada buat meniaga ikan. Saya pon ada meniaga juga. Lori saya tu, tong ikan saya tu.

**PELAJAR :**

**ENCIK MUHAMAD  
EFFENDI :**

**Dok [ada] perusahaan sendiri lah?**

Ada saya buat. La [sekarang] ni nak beli ikan pon ikan mahal sikit. Orang kata kita stop [berhenti] sat [sekejap] lah. Orang kata orang Melayu ni dia nak meniaga dia takut, dia lebih selesa makan gaji, sebab dia kata makan gaji ni tetap dah.

**PELAJAR :**

**ENCIK MUHAMAD  
EFFENDI :**

Tetap ada.

Orang Melayu ni aspek dia kita tengok dia konsep dia cukup lah setakat yang dapat ni. Dia tak mahu nak usaha lebih. Dan kita tengoklah dari peringkat toksah [tidak perlu] kata lah saya dok belajar masa saya di universiti pon kita tengok. Yang dok skor ni kebanyakannya, macam saya di UPSI (Universiti Pendidikan Sultan Idris), anak Cina, anak India. Melayu ni yang boleh lah 2.80, 3.10 pon cukuplah. Itu pengalaman lah orang kata. Tapi kita orang Melayu ni dia banyak cukup, takpalah [tidak mengapa]. Itu konsep orang Melayu. Saya pon Melayu kadang-kadang orang kata apa bagi saya, saya banyak bantu dalam aspek pendidikan anak-anak Melayu lah. Saya banyak di sekolah. Sebab saya dulu pon belajar di sekolah kuala ni, belajar di situ, dari darjah satu sampai darjah enam. Anak saya pon tiga-tiga orang pon saya hantar belajar di sini sebab bagi saya orang kata apa modal insan orang Melayu ni pelajaran. Kalau takdak [tiada] pelajaran ni susah kan. Tak [tidak] semestinya juga takdak [tiada] pelajaran ni -- Ada juga orang Melayu ni meniaga dari segi aspek orang Melayu yang berjaya ni meniaga dari kedai makan.

Saya tengok banyak aspek kedai makan ni dari segi sektor pemakanan ni dia banyak berjaya lah. Buka kedai makan, okeylah [baiklah] yang tu. Tapi orang Melayu ni dia banyak mentaliti mak bapak [ibu bapa] sendiri pon dia kata apa, hang [awak] habis esok terutamanya orang perempuanlah, jadi cikgu lah, betulkan. Hang [awak] pi [pergi] kerja masuk dalam kerajaan ni. Itu lah sebab mentaliti dia. Cina dak [tidak]. Depa [mereka] belajar depa fikir macam mana nak cari ilmu nak membina kekayaan. Sebab saya pernah mengajar di sekolah Cina, dan saya pernah mengajar di Labis tu kawasan Cina, boleh dikatakan Labis tu kawasan komunis lah dulu dekat dengan Bukit Kepung. Cina di situ depa [mereka] belajar depa nak ambil sijil depa kata, cikgu, kita mahu [mahu] ambil SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) mau [mahu] masuk Singapura, Saya kata apa fasal [mengapa] mahu [mahu] masuk Singapore? Singapore gaji besar dia kata. Kita orang Melayu kita belajar orang kata apa terutama pelajar perempuan lah orang kata apa sebagai kaunselor pelajar saya tau [tahu] lah. Saya tanya budak-budak, cikgu nak jadi nurse [jururawat] lah cikgu. Itulah. Ada yang nak jadi cikgu macam mana? Kami nak jadi cikgu lah kan. Dia tak [tidak] fikir di luar kotak tu. Macam Cina ni, dia fikir. Satu lagi Cina ni dari segi depa [mereka] dok [selalu] kata lah aspek asas perniagaan mak bapak [ibu bapa] waris dah ada kan. Depa [mereka] belajar, contoh depa [mereka] belajar pon kata dalam segi perakaunan, depa [mereka] belajar dari segi business study, depa [mereka] belajar dari segi orang kata apa, kalau depa [mereka] betul-betul -- Dia tengok dah masa depan tu. Contoh yang

saya tengok kan macam dia ambil belajar dari segi farmasi, doktor, medik, kan bagi depa [mereka] sebab depa [mereka] nampak peluang tu medik, lima tahun dengan kerajaan, habis-habis dia belajar, dia kerja dengan kerajaan sat [sekejap], limatahun lepas tu depa [mereka] berhenti. Depa [mereka] boleh buka depa punya klinik depa sendiri. Farmasi, kan kita tengok depa [mereka] lima tahun depa [mereka] servis dengan kerajaan, lima tahun depa [mereka] resign [berhenti] depa [mereka] buka farmasi depa [mereka] sendiri. Sebab depa [mereka] nak ambil ilmu tu. Tu yang saya cakap macam kita orang Melayu ni dia boleh makan gaji ni makan gaji lah. Tak [tidak] kata juga sebab la [sekarang] ni pon makan gaji pon besar. Macam saya dulu mula-mula masuk kerja seribu enam ratus lebih gaji saya masa tu. Seribu enam ratus berapa puluh tah [entah] saya ingat masa tu kan. Campur dengan elaun nu [itu] elaun ni [ini] boleh lah dalam dua ribu lebih masa tu. La [sekarang] ni kan starting [permulaan] kerja cikgu pon masuk saya dok tengok hat [yang] baru ni cikgu-cikgu muda ni kan masuk-masuk gaji pokok pon tak termasuk elaun pon dah dua ribu lima ratus, besar dah tu. Kalau hat [yang] bujang dia cermat sendiri kan terutamanya orang lelaki ni kan, campur elaun pi [pergi] elaun mai [datang] kan, orang kata dalam masa kalau dia betul-betul nak kerja kan, kalau la [sekarang] ni mudah ja masuk buat loan [pinjaman] kalau nak menikah [kahwin] pon macam tu lah kan. Kalau dia yang kaki cermat ni boleh. Sebab tu saya cakap terus terang la ni [sekarang] pon sebab sektor awam pon gaji besar dah. Tak [tidak] macam dulu lah kan. Nurse [jururawat], polis pon masing-masing

tengoklah kan, gaji depa pon -- La [Sekarang] Diploma pon gaji mahal, dulu saya ingat masa saya habis diploma tu, starting [permulaan] minta jadi pegawai di Tabung Haji, gaji pokok sembilan ratus lebih pada masa tu, tak [tidak] termasuk dengan elaun. La [sekarang] Diploma pon kalau tak [tidak] salah saya seribu lebih dah tu. Dekat dua ribu gaji Diploma pon. Macam adik saya dia, apa, ni technician [juruteknik] pejabat daerah, dia guna Diploma Politeknik. Campur pi [pergi] campur mai [datang] kan, dekat-dekat la [sekarang] pon dekat tiga ribu dah gaji dia pon. Macam tu lah orang kata. Adik-adik pon muda lagi, fikir lah kan yang mana yang lebih terbaik itu lah. Tapi bagi saya, saya banyak menekankan aspek pendidikan lah kepada anak-anak orang kampung. Sebab saya bekerja dalam sektor sebagai kaunselor pelajar, saya banyak galakkan pelajar-pelajar sambung belajar.

**PELAJAR :**

Okay [Baiklah]. Terima kasih encik sudi luangkan masa untuk temuramah ni [ini].

**ENCIK MUHAMAD**

**EFFENDI :**

Takpa [Tidak mengapa]. Sama-sama.

**LOG  
TEMUBUAL**

**LOG TEMUBUAL**

00:30	Memberitahu nama penuh	Muhamad Effendi Bin Mashum, berumur 39 tahun, mempunyai seorang isteri dan tiga orang cahaya mata. Beliau merupakan JKK Kampung Tepi Sungai Kota Kuala Muda dan merangkap sebagai Ketua Pemuda UMNO Bahagian Sungai Petani.
02:30	Menceritakan detik awal kejadian Tsunami	Berlaku gegaran awal pada 9 pagi, beliau berada di kampung halaman kerana sedang cuti semester.
06:33	Memberitahu jumlah mangsa yang terkorban	Seramai sembilan orang, tiga lelaki dan tujuh perempuan. Kesemua mangsa merupakan penduduk Kampung Tepi Sungai. Semua mayat dijumpai dengan sempurna.
16:50	Memberitahu bantuan-bantuan	Bantuan dari Bulan Sabit Merah, Kerajaan Negeri, PETRONAS. Bantuan dari segi beras dan keperluan harian. Mangsa juga mendapat bantuan rumah kediaman oleh Kerajaan Negeri.
24:00	Menceritakan tempoh masa untuk baik pulih	Anggaran selama dua tahun. Hal ini disebabkan kemusnahan yang amat teruk berlaku terhadap kediaman dan meninggalkan kesan sehingga kini.

24:08	Memberitahu tempat tinggal sementara mangsa	Membina rumah panjang di Taman Permatang Katung. Semua mangsa ditempatkan sementara kerana hampir keseluruhan kediaman mereka yang dilanda ombak Tsunami musnah teruk serta segala keperluan juga musnah.
36:55	Menceritakan ketinggian ombak	Anggaran ombak Tsunami setinggi tiang elektrik. Ombak yang sangat besar, yang belum pernah berlaku dan terjadi di kawasan Kuala Muda. Ombak tersebut melanda kawasan tersebut.
41:14	Menceritakan tujuan penubuhan Galeri Tsunami	Sebagai tapak sejarah yang meninggalkan kesan. Galeri Tsunami tersebut merupakan rumah kediaman mangsa tsunami iaitu Haji Awang bin Ismail. Kini Galeri Tsunami tersebut menjadi tempat tumpuan pelancong serta pelajar-pelajar yang menjalankan kajian tempatan.
44:40	Menceritakan persediaan menghadapi tsunami sekiranya berulang	Pembinaan tembok di sepanjang persisiran pantai Kota Kuala Muda. Tembok tersebut bertujuan untuk menghalang ombak yang dating daripada laut.

52:10	Menceritakan mengenai tahap pendidikan beliau	UPSR, PMR, SPM, melanjutkan pelajaran di UTM dan UPSI. Beliau
52:55	Menceritakan mengenai kerjaya beliau	Guru sekolah menengah dalam bidang kaunseling di Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Pasir.

# INDEKS

## INDEKS

- Galeri tsunami, 8,29
- Kesan tsunami, 4, 17, 19
- Mangsa tsunami, 5, 6, 7, 8, 30
- Muhamad Effendi Mashum, 5, 6, 7, 9
- Penempatan mangsa tsunami, 7
- Pengalaman mangsa tsunami, 6
- Tsunami Kota Kuala Muda, 5
- Tsunami, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10,12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 29, 30, 31, 32, 33, 35
- Ombak, 6, 7, 8, 10, 11, 12, 13, 14, 15
- Tembok, 7, 13, 25, 28, 33, 34, 44
- Pengkalan, 13, 21
- Nelayan, 6, 7, 8, 10, 11, 13, 15, 17, 18, 20, 21, 32, 34, 35, 36, 38
- Bot, 7, 8, 11, 17, 18, 20, 21, 30, 34, 35, 36
- Sampan, 6, 7
- Laut, 4, 5, 6, 7, 8, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 18, 20, 21, 23, 24, 25, 26, 28, 34, 35, 37
- Pantai, 8, 27, 28, 44
- Kota Kuala Muda, 4, 5, 6, 7, 8, 9
- Taman Permatang Katung, 13, 22, 26
- Bulan Sabit Merah, 17
- Kerajaan, 8, 13, 14, 16, 17, 18, 21, 28, 30, 31, 32, 33, 35, 36, 39, 40, 41
- Ketua Kampung, 6, 9, 11, 17, 32, 38
- Tanjung Dawai,30
- Pantai Merdeka, 27, 28
- Kampung Tepi Sungai, 5, 6, 7, 8, 9, 26
- IKS (Industri Kecil dan Sederhana), 15
- JKK (Jawatankuasa Kemajuan Kampung), 5, 9, 26, 27, 38
- JPAM (Jabatan Pertahanan Awam Malaysia), 17
- LKIM (Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia), 17, 35
- MPSPk (Majlis Perbandaran Sungai Petani), 14, 33

PC (Personal Computer), 34

PMR (Penilaian Menengah Rendah), 37

PT3 (Penilaian Tingkatan Tiga), 31

SPM (Sijil Pelajaran Malaysia), 37, 40

UPSI (Universiti Pendidikan Sultan Idris), 10, 37, 39

UPSR (Ujian Pencapaian Sekolah Rendah), 37

USM (Universiti Sains Malaysia), 34

# RUJUKAN

**RUJUKAN**

(Muhamad Effendi Mashum, personal communication, May 7, 2017)

Siti Zubaidah Zakaraya. (2013, Disember 26). Detik hitam dibadai tsunami. *Sinar Harian*. Retrieved from <http://www.sinarharian.com.my/mobile/edisi/utara/detik-hitam-dibadai-tsunami-1.234299>

# LAMPIRAN

# BIOGRAFI TOKOH

## BIOGRAFI TOKOH



Nama: Muhamad Effendi bin Mashum  
Tarikh Lahir: 3 September 1978  
Tempat lahir: Kg. Tepi Sungai  
Alamat: Lot No. 1 Jalan Kampung Keda  
Kampung Tepi Sungai,  
08500 Kota Kuala Muda, Kedah  
No. Telefon: 012-439 1744  
Profesion: Guru  
Bidang: Kaunseling

**PERJANJIAN**



## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

### PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan ENCIK MUHAMAD EFFENDI BIN MASHUM

Pada 7 MEI 2017

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan **syarat**: -

Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari ..... (tarikh). Dipersetujui pada ..... oleh kedua pihak yang berkenaan.

.....  
*Pengkisah (interviewee)*

.....

*Dekan*  
*Fakulti Pengurusan Maklumat*  
*Universiti Teknologi MARA*

# SENARAI SOALAN

## SOALAN KAJIAN

- 1) Boleh encik terangkan dengan lebih lanjut mengenai latar belakang encik?
- 2) Apakah jawatan yang encik sandang sekarang?
- 3) Bagaimanakah perlantikan tersebut dilakukan?
- 4) Adakah melalui persetujuan penduduk kampung?
- 5) Jika encik tidak keberatan, boleh encik terangkan mengenai keluarga encik?
- 6) Adakah seluruh ahli keluarga terlibat dalam tragedi tersebut?
- 7) Adakah yang mengalami kecederaan ketika kejadian tersebut?
- 8) Boleh encik terangkan apakah perasaan encik pada waktu tersebut?
- 9) Apakah yang encik rasakan ?
- 10) Adakah encik terasa gegaran pada awal kejadian tersebut?
- 11) Adakah encik mendapat amaran awal ketika gegaran tersebut?
- 12) Apakah tindakan penduduk kampung semasa melihat ombak yang melanda?
- 13) Adakah encik mendengar jeritan daripada penduduk?
- 14) Dimanakah encik ketika tragedi tersebut?
- 15) Apakah yang encik sedang lakukan pada waktu tersebut?
- 16) Apakah tindakan encik semasa tragedi tersebut?
- 17) Adakah encik pernah dengar perkataan tsunami sebelum ini?
- 18) Apakah yang dimaksudkan dengan tsunami?
- 19) Pada pandangan encik, apakah perbezaan tragedi tsunami dengan rebul yang sering melanda kawasan laut?
- 20) Adakah encik melihat sendiri ombak tsunami yang menlanda kawasan tepi laut tersebut?
- 21) Bagaimanakah keadaan pantai pada waktu tersebut?
- 22) Apakah yang encik lihat pada awal kejadian tersebut?
- 23) Pada pukul berapakah anggaran kejadian tersebut?
- 24) Berapa lama ombak tsunami melanda kawasan tersebut?
- 25) Berapakah ketinggian ombak tersebut?
- 26) Pernahkah encik melihat ombak setinggi itu sebelum ini?
- 27) Berapakah mangsa yang tekorban dalam tragedi tersebut?
- 28) Dimanakah penduduk/mangsa ditempatkan setelah berlaku kejadian tersebut?
- 29) Berapa lamakah penduduk/mangsa di penempatan sementara?
- 30) Berapa ramai anggaran penduduk yang kehilangan tempat berteduh akibat tragedi tersebut?
- 31) Apakah bantuan yang diberi kepada mangsa yang kehilangan tempat tinggal?
- 32) Berapa lama jangka masa yang diambil untuk menerima bantuan awal daripada luar?

- 33) Apakah kesan yang ditinggalkan daripada tragedi tersebut?
- 34) Adakah tragedi tersebut membuatkan encik menjadi fobia ketika dekat dengan laut?
- 35) Apakah persediaan yang diambil untuk menghadapi tragedi ini sekiranya berulang?
- 36) Adakah pihak yang datang untuk memberi sumbangan untuk meringankan beban penduduk tersebut?
- 37) Apakah bentuk sumbangan dan bantuan yang diberikan?
- 38) Berapa lamakah masa yang diambil untuk membangun semula kawasan yang dilanda tsunami?
- 39) Berapa lamakah masa diambil oleh penduduk untuk kembali kelaut?
- 40) Adakah pihak yang menyumbangkan bantuan untuk membantu membangunkan semula kawasan yang ditimpa tragedy tersebut?


**DIARI  
PENYELIDIKAN**

*DIARI PENYELIDIKAN*


1.	14 Mac 2017	Pensyarah memaklumkan mengenai silibus subjek dan mula membuat kertas kerja untuk mencadangkan tokoh yang hendak ditemuramah. Pencarian senarai tokoh-tokoh atau peristiwa yang bersesuaian.
2.	21 Mac 2017	Membuat draft mengenai senarai tokoh yang hendak ditemuramah. <ol style="list-style-type: none"><li>1. Sheikh Ahmad Faisol mengenai pengalaman beliau sebagai Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah.</li><li>2. Muhamad Effendi Mashum mengenai peristiwa tsunami di Kota Kuala Muda Kedah.</li></ol>
3.	28 Mac 2017	Membuat pilihan untuk menemuramah Encik Muhamad Effendi Mashum.
4.	30 April 2017	Mendapatkan cop dari pegawai polis bantuan UiTM untuk meminta kebenaran menemuramah tokoh.
5.	4 Mei 2017	Menghubungi Encik Muhamad Effendi untuk menanyakan mengenai tarikh yang bersesuaian bagi menemuramah beliau.
6.	7 Mei 2017	Berjumpa dengan Encik Muhamad Effendi Mashum di rumah untuk menemuramah beliau.
7.	8 Mei 2017	Menyerahkan kertas kerja.
8.	7 Jun 2017	Kertas kerja diserahkan semula untuk dibaiki.
9.	20 Jun 2017	Menyerahkan kertas kerja yang telah dibaiki beserta dengan artikel.
10.	30 Jun 2017	Berjumpa dengan Encik Muhamad Effendi di Restoran Subaidah untuk mendapatkan tandatangan beliau.
11.	4 Julai 2017	Berjumpa dengan Encik Muhamad Effendi untuk menyerahkan salinan transkrip bagi rujukan beliau.
12.	11 Julai 2017	Membentangkan hasil kajian kepada pensyarah.

**GAMBAR**


## Keratan akhbar



Perjumpaan pertama bersama Encik Muhamad Effendi Mashum




Perjumpaan kedua di SMK Sungai Pasir




Antara bot-bot nelayan yang dijadikan tugu peringatan peristiwa tsunami tersebut



Antara gambar yang terdapat di dalam Galeri Tsunami Kota Kuala Muda



# JUMLAH & ANGGARAN NILAI KEROSAKAN/KEMUSNAHAN

Motosikal : 507 buah (RM 1,521,000) 

Basikal : 315 buah (RM 10,000) 

Kereta/Van/Lori & lain-lain : 194 buah (RM 4,143,110) 

Rumah (diarah pindah) : 477 buah 

Rumah (rosak) : 398 buah

Rumah (musnah) : 113 buah

Bot nelayan (besar) : 34 buah 

Bot nelayan (kecil) : 404 buah


Jeti kayu : 1 unit (RM 40,000)

\* Peralatan nelayan : (RM 4,327,722)

Padi : 52.3 hektar (RM 160,000) 

Kolam ikan : 2 buah 

Sangkar ikan : 11 buah



**KITAB SUCI AL-QURAN**  
THE HOLY QUR'AN

Salah-salah Al-Quran yang ditemui selepas bencana tsunami melanda.  
Few copies of the Holy Qur'an found after the tsunami incident.

# KUALA MUDA

## Kemusnahan

### KEJADIAN TSUNAMI 26 DISEMBER 2004

Pada 26 Disember 2004, sekitar 8.58 pagi telah berlaku satu gegaran gempa yang disesan di utara Indonesia. Gegaran tersebut telah menghasilkan gelombang besar dan melanda pantai sekitar utara Semenanjung Malaysia, iaitu Pantai Peris dan Pulau Pinang. Gelombang ini per tunda melanda Pantai Kuala Aek. Gelombang kebinguan mencecah 2.5 meter dan berlaku sekitar jam 1.15 tengahari. Gelombang kebinguan gegaran berlaku gelombang kedua berlaku sekitar jam 1.45 petang dan gelombang ketiga berlaku sekitar jam 2.15 petang. Gelombang kebinguan ini telah mengakibatkan lebih 8 meter dan menghempas pantai sejauh 300 meter ke daratan dan mengakibatkan banyak rumah, kenderaan dan harta benda lain musnah.

### KEJADIAN "IKAN TURUN DARI LANGIT"

Satu hari sebelum kejadian ombak besar Tsunami nelayan-nelayan di Kuala Aek telah mengalami fenomena aneh apabila mendapat hasil tangkapan yang luar biasa. Nelayan-nelayan tersebut telah menangkap ikan-ikan yang tidak pernah mereka dapati sebelum kejadian Tsunami. Fenomena tangkapan tersebut adalah ikan-ikan yang ditangkap dari kumbung besar diperoleh nelayan-nelayan sahaja oleh nelayan-nelayan yang menggunakan perahu. Ikan-ikan yang melimpah ruah ini menjadi gurauan semua nelayan dengan memanggil fenomena ikan turun dari langit. Kejadian ini berlaku kerana hidupan laut lebih cepat mengesan jika berlaku sebarang perubahan pada dasar atau gelombang laut lalu bergerak mengauk puncak perubahan itu.







# Kematian

Senarai Nama Penduduk Yang Meninggal Dunia

Nama Si Mati	Umur	Jantina	Alamat
Ropizah Bt Abdul Rashid	69	P	288, Kg Kepala Jalan, KKM
Tempawan Bt Khamis	74	P	-
Norhafzatul Fatimah bt. Mat Hafiz	11 bulan	F	266, Kg. Kuala Sungai Muda
Mohd. Nasir bin Ibrahim	54	L	Kg. Haji Kudung, KKM
Saayah bt. Hitam	70	P	Kg. Tepi Sungai, KKM
Nursuzana bt. Saidin	15	P	Kg. Tepi Sungai, KKM
Munah bt. Awang	81	P	276, Kg. Kepala Jalan
Normah bt. Ahmad	60	P	-
Osman bin Salleh	40	L	-

## Meninggal Dunia

## Cedera

Tempat Kejadian	Luar Kawasan	Cedera (admitted)	Pesakit Luar
9	8	23	9